



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	JANGKA HARGA SAYUR NAIK, KPDN BINCANG DENGAN KPKM, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE RESEARCH KEY FOR HARUMANIS MANGO STABILITY, SAYS MAT SABU, NATION, THE STAR -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	TANAMAN HARUMANIS DI EMPAT NEGERI, DALAM NEGERI, UM -34 BAWANG PERAK PENUHI PERMINTAAN DOMESTIK, SUNGKAI, SH -23	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5. 6. 7.	SOKONG SYARAT DVS, KUBELA, HM -33 BUKAN CARI PUBLISITI, KUBELA, HM -34 STRATEGI TINGKAT PENGELUARAN DAGING LEMBU TEMPATAN, K2, KOSMO -22	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9. 10.	PINDA AKTA KAWAL TANGKAP IKAN BERLEBIHAN, NASIONAL, SH -6 AKTA PERIKANAN DIPINDA JAMIN BEKALAN IKAN, DALAM NEGERI, UM -5 PATIN SIAM SAH SPESIES ALIEN -DOF, NEGARA, KOSMO -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	GAGAL SELUDUP ANJING BAKA ROTTWEILER DARI BELANDA, SEPANG, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
12.	PATAH CUBAAN SELUDUP 41,000kg KELAPA, LOKAL, HM -5	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	BEKALAN IKAN MUSIM TENGGUJUH CUKUP, LOKAL, HM -20	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
14. 15. 16. 17. 18.	PENGURUS SYARIKAT LESAP RM2.6j BAHANA AP MUSANG KING, NEGARA, KOSMO -13 PESAWAH MAHU HARGA LANTAI BELIA PADI DINAikkan, BACHOK, SH -26 COLLABORATION TO IMPROVE RICE QUALITY, NATIONAL, THE SUN -4 CHINA COMPANY VICTIM OF DURIAN SCAM, NATION, NST -9 MUSANG KING RM2.6 JUTA TAK KUNJUNG TIBA, LOKAL, HM -10	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Jangka harga sayur naik, KPDN bincang dengan KPKM



PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengenai jangkaan kenaikan tiga kali ganda harga sayur menjelang hujung tahun ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, buat masa ini pihaknya akan memantau sebarang perubahan harga dan bertindak secara proaktif sekiranya berlaku kenaikan secara mendadak.

“Agak awal untuk saya komen tapi KPDN memantau sebarang pergerakan harga atau terkait bekalan, dan KPDN kerjasama rapat dengan KPKM sekiranya ada keperluan kita akan ambil langkah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas mengadakan Perjumpaan Bersama Syarikat Carsome Group di Carsome PJ Auto Mall Experience Center, hari ini.

Baru-baru ini media melaporkan harga sayur-sayuran dijangka meningkat pada November dan Disember ini susulan fasa Monsun Timur Laut (MTL) yang berpotensi mengakibatkan hujan lebat dan banjir di beberapa kawasan seluruh negara.

Walaubagaimanapun, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan memastikan bekalan sayur-sayuran mencukupi.

Sementara itu Armizan berkata, KPDN akan membuat perincian berkenaan lantikan pemborong utama (DDW) dan peruncit terpilih (DDR) di setiap daerah yang bakal dibenarkan menambah kuantiti had simpanan bekalan barang kawalan melebihi 30 peratus daripada had sedia ada sepanjang tempoh bencana.

“Memang kita sudah sedia di setiap negeri. Semua sudah diantik tapi pengumuman secara spesifik kita akan buat.

“Komitmen kita adalah untuk memastikan bekalan tidak terputus kepada rakyat kita termasuklah di kawasan yang terkesan dan dijangka terkesan dengan banjir,” katanya.

Usaha tersebut bagi memastikan bekalan makanan di kawasan terjejas banjir sentiasa mencukupi.- MalaysiaGazette

Research key for Harumanis mango stability, says Mat Sabu

KANGAR: Research and development must be a top priority, especially in enhancing genetics, managing crops, and controlling pests and diseases to maintain the competitiveness of Harumanis mangoes, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He emphasised the importance

of maintaining quality and productivity, particularly in light of the challenges posed by climate change.

"To achieve this, collaboration among government agencies, research institutions, and farmers must be strengthened," he said at the National Harumanis Mango Conference here yesterday.

The text of his speech was delivered by Agriculture Department director-general Datuk Nor Sam Alwi.

According to Bernama, Mohamad highlighted the essential role of smart agricultural technology, adding that it not only enhances production but also ensures the quality of Harumanis

mangoes remains high.

"I urge all industry players to be prepared to adapt to new technologies and seize the opportunities presented by this agricultural revolution," he added.

He said the conference is crucial for ensuring the sustainability of the Harumanis industry both locally and internationally.

"The cultivation of Harumanis mangoes has expanded to Kedah, Kelantan, Terengganu, and Johor.

"Given the immense potential of this industry, we must continue to leverage existing opportunities to further develop it, enabling us to export Harumanis mangoes," he added.

Tanaman harumanis di empat negeri

KANGAR: Selain Perlis yang sinonim dengan harumanis, empat negeri dijangka mengusahakan tanaman buah berkesan secara lebih terancang bagi meningkatkan pengeluaran buah tersebut yang mendapat permintaan tinggi di luar negara.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Nor Sam Alwi berkata, empat negeri terlibat ialah Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor. Namun, pada masa ini mereka belum membuat pengeluaran mempromosikan harumanis bagi tujuan komersial sebagaimana dilakukan Perlis.

Katanya, pengeluaran buah berkenaan dari empat negeri tersebut dilihat langka yang baik

bagi meningkatkan bekalan untuk pasaran domestik.

"Pengeluaran harumanis di Perlis tidak mencukupi untuk tampung permintaan yang tinggi. Buat masa ini, empat negeri itu masih di peringkat mengenal inventori tanaman berkenaan.

"Jika nampak potensi untuk komersial mungkin akan dilaksanakan Program Pembangunan Tanaman Mangga Harumanis secara lebih terancang," katanya ditemui selepas Persidangan Mangga Harumanis Kebangsaan 2024 di sini, semalam.

Setakat ini, keluasan tanaman harumanis di Perlis sebanyak 1,745.79 hektar manakala kawasan berhasil pula mencecah

1,611.59 hektar berbanding keluasan seluruh kawasan penanaman mangga Malaysia iaitu 4,415.28 hektar.

Pengeluaran harumanis Perlis tahun ini sebanyak 2,022 tan metrik dengan nilai RM46.513 juta melibatkan seramai 2,693 petani.

Dalam pada itu, Nor Sam berkata, bekalan harumanis yang ditanam di empat negeri berkenaan juga membantu sekiranya buah tersebut ingin dikomersialkan untuk eksport.

"Apa yang penting ialah waktu buah itu ingin dituai, cuaca di negeri-negeri berkenaan haruslah panas kerana itulah yang menentukan kualiti kemanisannya," katanya.



NOR Sam Alwi (kanan) meninjau reruai selepas menyempurnakan Persidangan Mangga Harumanis Kebangsaan 2024 di Dewan 2020, Kangar. Perlis, semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2024	SINAR HARIAN	SUNGKAI	23



Pekerja melakukan proses cucian pada benih anak pokok bawang sebelum ditanam.

Bawang Perak memenuhi permintaan domestik

Tanaman fasa kedua merangkumi kawasan seluas 10 hektar dengan hasil 32 tan metrik

SUNGKAI

Jabatan Pertanian Perak memperluas kawasan penanaman bawang sehingga 10 hektar bagi fasa kedua penanaman sebagai usaha meningkatkan pengeluaran, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap produk import.

Pengarah Jabatan Pertanian Perak, Norsiyenti Othman berkata, kejayaan projek rintis di Kampung Kuala Bikam seluas satu hektar berjaya menghasilkan 3.3 tan metrik bawang pada tuai pertama April lalu menjadi titik tolak memperluas penanaman bawang dalam skala lebih besar.

Beliau berkata, inisiatif memperluas penanaman bawang dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara kerajaan negeri dan usahawan berpotensi dengan pelaksanaan latihan dan pengukuhan berterusan.

"Pada masa ini, penanaman seluas empat hektar dimulakan di Batang Padang manakala empat hektar lagi di Kinta dengan anggaran pengeluaran keseluruhan sebanyak 32 tan metrik.

"Tanaman rintis (Kampung Kuala Bikam) sudah memasuki fasa kedua dan secara keseluruhannya tanaman bawang di Perak seluas 10 hektar melibatkan projek di bawah selenggaraan kami dan Lembaga



Beberapa pekerja melakukan proses penanaman bawang.



NORSIYENTI

Pertubuhan Peladang (LPP) negeri," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menerima bekalan bawang merah kecil dalam bentuk 'bulb' seberat tiga tan metrik daripada Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT) untuk penanaman di Batang Padang.

Sementara itu, beliau berkata, kawasan penanaman akan diperluas melalui kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) untuk menanam bawang di tanah wakaf masjid seluruh negeri melibatkan anggaran kawasan seluas empat hektar.

"Inisiatif ini selaras matlamat Perak memperkasakan keterjaminan makanan dan mengurangkan kebergantungan kepada import seperti digariskan dalam Pelan Perak Sejahtera 2030 oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad," katanya.

Norsiyenti juga memaklumkan penanaman bawang kali ini akan di-

tambah baik berdasarkan penemuan daripada projek rintis terdahulu termasuk dari segi jarak penanaman, kawalan perosak dan penyakit, pembajaan serta proses pengeringan.

"Penambahbaikan ini dilakukan berdasarkan hasil lawatan ke Indonesia sebelum ini.

"Pada 2022, jumlah import dua jenis bawang iaitu bawang besar dan bawang kecil adalah 685,400 tan dengan nilai mencecah RM1.58 bilion," katanya.

Katanya, berdasarkan data, negara mengimport 525,055.37 tan bawang dengan nilai RM944,990,373 dari 20 negara.

"Jumlah import tertinggi adalah dari India iaitu 321,776 tan, Belanda (77,772 tan), China (47,165 tan), Pakistan (42,957 tan), Thailand (12,186 tan) serta lain-lain negara.

"Krisis bekalan bawang pada 2020 berpunca daripada banjir besar di India, mengakibatkan kenaikan harga jualan bawang sehingga tiga kali ganda. Sejak itu, Perak menjadi negeri pertama memulakan langkah penanaman bawang secara komersial," katanya. - Bernama

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga
8 malam setiap hari

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2024	HARIAN METRO	KU BELA	33



FOKUS

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@
hmetro.com.my

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang melakukan kerja-kerja menyelamat dan melindungi haiwan seharusnya menunjukkan contoh kepada masyarakat mengenai amalan dalam memenuhi peraturan ditetapkan agensi berkaitan.

Kegagalan memenuhi peraturan termasuklah tidak memiliki lesen dan permit yang diwajibkan dalam operasi pusat perlindungan haiwan dilihat satu tindakan tidak wajar.

Menurut Presiden

Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia) Arie Dwi Andika, 39, pihaknya mengambil inisiatif memulakan langkah memohon lesen bagi meningkatkan kredibiliti persatuannya selaku pertubuhan yang melindungi dan menjaga kebajikan haiwan.

"Penting untuk operasi pertubuhan atau pusat jagaan haiwan memiliki

> 34

Aktiviti babitkan penginapan, menunggang dan mengepung haiwan serta urusan jual beli perlukan lesen

LESEN bagi melindungi kebajikan haiwan



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2024	HARIAN METRO	KU BELA	34



ARIE terima empat lesen dari Dr Razli

KEBAJIKAN haiwan terjamin.



BUKAN CARI PUBLISITI

Operasi pusat perlindungan haiwan perlukan permit, lesen dalam usaha tingkat kredibiliti agensi

DARI MUKA 33

permit atau lesen bagi mengesahkan kredibiliti selaku pusat perlindungan berdaftar di bawah agensi bertanggungjawab seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV).

"Agensi itu antara badan yang memantau dan bertanggungjawab dalam memantau industri berkaitan dengan haiwan demi kesejahteraan manusia.

"Malah agensi ini juga arif dengan keperluan haiwan dan mereka bertindak memastikan kebajikan haiwan juga terjaga," katanya.

Kata Arie, mendapatkan lesen termasuk penginapan, menunggang dan mengepung, tempat perlindungan serta urusan jual beli haiwan hidup dalam kurungan antara yang dilakukan pihaknya.

"Saya mengambil langkah untuk memohon lesen seperti diwajibkan pihak berkuasa kerana itu tanggungjawab kami selaku pihak NGO.

"Malah saya juga mahu usaha kami ini dicontohi rakan NGO lain supaya ada standard operasi yang boleh dipatuhi.

"Bayangkan kalau tiada pihak memantau atau operasi pusat perlindungan tiada badan atau agensi yang memantau, kemungkinan pihak terbabit boleh melakukan



MENUNGGANG juga memerlukan lesen



DSV memainkan peranan penting dalam memastikan industri khidmat haiwan menjamin kesejahteraan manusia

apa saja sewenang-wenangnya.

"Senario seperti ini boleh menjejaskan kebajikan haiwan yang dilindungi," katanya.

Kata Arie, pihaknya turut mengesan aktiviti membela haiwan peliharaan yang tidak mengikut garis panduan.

"Tindakan DSV yang bakal mengetatkan lagi empat lesen terbabit iaitu penginapan, menunggang dan mengepung, tempat perlindungan serta urusan jual beli haiwan hidup dalam kurungan, membantu meningkatkan lagi perkhidmatan berkaitan haiwan.

"Selain perlindungan, lesen ini juga dikenakan terhadap pengusaha perkhidmatan berkaitan haiwan yang dijangka mampu meningkatkan lagi kualiti khidmat yang mereka tawarkan.

"Cumanya selaku pihak yang sudah terbabit dalam perlindungan dan kebajikan haiwan sejak 2006, apabila pihak DSV mahu mewajibkan lesen terbabit saya menyokong penuh.

"Tindakan itu juga dapat memantau aktiviti yang tidak sihat terutama pihak berselindung di sebalik aktiviti pusat perlindungan dan kebajikan untuk mengaut keuntungan.

"Harapan saya, usaha mewajibkan pelesenan terhadap aktiviti berkaitan



Penggiat industri perlukan lesen ini bagi operasi pusat haiwan mereka dan tindakan mengabaikan urusan pendaftaran lesen boleh membuatkan mereka terdedah dengan tindakan undang-undang

DR MOHAMMAD RAZLI

haiwan perlu disusuli dengan penguatkuasaan selain memperhalusi perkara-perkara berkaitan yang mungkin di luar peraturan termaktub.

"Contohnya orang perseorangan yang membela haiwan peliharaan dalam jumlah yang besar dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar, Dr Mohammad Razli Abdul Razak berkata, pihaknya mahu pemilik pusat perlindungan haiwan, pengusaha pusat penjagaan haiwan dan individu yang terbabit dalam industri lebih cakna dengan peraturan wujud dalam melindungi haiwan di samping menjaga kesejahteraan manusia.

"DVS mewajibkan pihak menjalankan empat aktiviti membabitkan haiwan iaitu penginapan, menunggang dan mengepung, tempat perlindungan serta urusan jual beli haiwan hidup dalam kurungan mendapatkan lesen sejak 1 Jan 2022 lagi.

"Langkah ini selaras dengan Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015, Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021.

"Penggiat industri perlukan lesen ini bagi operasi pusat haiwan mereka dan tindakan mengabaikan urusan pendaftaran lesen boleh membuatkan mereka terdedah dengan tindakan undang-undang.

"Kewajipan pelesenan ini bagaimanapun tidak terpakai untuk pemilik haiwan kesayangan yang dipelihara di rumah," katanya.

Aktiviti yang memerlukan lesen daripada DVS termasuk hotel dan spa untuk haiwan, kedai binatang peliharaan serta tempat perlindungan haiwan terbiar.

Beliau juga berkata DSV sentiasa memantau operasi pusat berkaitan haiwan dan berharap golongan itu memberi kerjasama.

Katanya lagi, permohonan lesen perlu dibuat secara dalam talian.

Dr Mohammad Razli berkata, pihak terbabit boleh menyediakan dokumen berkaitan dalam memudahkan urusan permohonan lesen terbabit.

Antaranya menyediakan pelan bagi premis terbabit dan memastikan lima keperluan haiwan seperti tempat tinggal yang selesa, diet mencukupi dan berkhasiat serta hak menerima rawatan daripada pakar atau doktor veterinar bertauliah.



Varia

Oleh
PROF. DATUK DR.
QUAZA NIZAMUDDIN
HASSAN NIZAM

DAGING lembu atau kerbau merupakan sumber protein penting yang menyokong keperluan asid amino serta mikronutrien bagi pemakanan serta kesihatan manusia.

Pada 2005, penggunaan daging lembu dan kerbau di Malaysia berjumlah 138,980 tan metrik berbanding 244,801 tan metrik pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 76 peratus.

Ini mencerminkan kadar peningkatan purata sebanyak 4.47 peratus setiap tahun. Jumlah penggunaan daging sesebuah negara secara lazimnya adalah berkadar terus dengan peningkatan populasi dan pendapatan rakyat.

Sementara bekalan tempatan untuk kedua-dua jenis daging tersebut mengalami penurunan.

Hasilnya, kadar sara diri telah berkurangan dari 23.6 peratus pada tahun 2015 menjadi 14.7 peratus pada tahun 2022. Ini bermakna, sebanyak 85.3 peratus keperluan daging lembu dan kerbau di negara ini perlu diimport.

Secara terperinci, trend populasi lembu dan kerbau menunjukkan penurunan dari 914,548 ekor pada tahun 2005, kepada 801,614 ekor pada 2022.

Ini bermakna, antara tahun 2005 hingga 2022, negara telah mengalami pengurangan ternakan sebanyak 12.35 peratus. Penurunan populasi ternakan boleh juga dikaitkan dengan kadar penyembelihan yang tinggi, di mana pada tahun 2015, daripada 149,174 ekor lembu dan kerbau yang disembelih, 45.6 peratus adalah sumber tempatan.

Namun pada tahun 2022, dari 125,313 ekor yang disembelih, sebanyak 90.1 peratus diperolehi daripada sumber tempatan. Naiknaikan peratus ternakan yang disembelih daripada sumber ternakan tempatan akan mengugut kestabilan ternakan.

Kajian telah menunjukkan bahawa jika jumlah penyembelihan, penyingkiran serta kematian lembu dan kerbau setiap tahun melebihi jumlah penggantian melalui kelahiran atau tambahan ternakan baharu import, maka akan berlaku pengurangan populasi ternakan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah melaksanakan pelbagai program serta inisiatif. Ia bagi mempertingkatkan dan memperkembangkan pengeluaran lembu serta kerbau secara tempatan, namun usaha-usaha setakat ini masih kurang berkesan.

Sudah sampai masanya kita memikirkan pendekatan yang berkesan serta berfokus kepada strategi-strategi yang boleh membina populasi ternakan.

Dengan kata lain meningkatkan populasi bibit atau lembu pembiak.

Apabila berlaku penambahan bilangan lembu pembiak yang tinggi, maka lebih banyak anak lembu boleh dihasilkan. Dengan ini, pengandaian populasi ternakan akan berlaku.

Strategi tingkat pengeluaran daging lembu tempatan



DAGING lembu merupakan sumber protein penting bagi pemakanan dan kesihatan manusia. — GAMBAR HIASAN

Kawasan yang luas diperlukan untuk memperkembangkan aktiviti pembiakan dan menambahkan populasi ternakan.

Malaysia tidak mempunyai kawasan ragutan yang luas seperti di Australia, tetapi memiliki tanaman kelapa sawit seluas 5.85 juta hektar. Sebahagiannya, 12.6 peratus telah digunakan untuk memelihara lembu.

Beberapa syarikat serta pengusaha-pengusaha persendirian sedang mengusahakan perladangan integrasi lembu dengan tanaman kelapa sawit.

Jika kita boleh tambahkan lagi kawasan seluas 750,000 hektar (anggaran peningkatan 13 peratus) untuk memelihara lembu di ladang kelapa sawit, maka kita boleh tambahkan bilangan ternakan sebanyak 187,500 ekor. Ini berdasarkan nisbah 1 ekor induk untuk 4 hektar).

Ia juga berpotensi menambah pengeluaran daging berjumlah 10,416 tan metrik (dengan andaian 18 induk boleh menghasilkan 1 tan metrik daging berdasarkan kadar kelahiran 56 peratus dengan tambahan sembelihan 20 peratus daripada induk diasing singkir

dan 20 peratus daripada anak betina).

Ini sudah tentu memerlukan penyertaan syarikat-syarikat besar untuk melabur di dalam industri.

Hal ini kerana, syarikat-syarikat perladangan swasta dan senaralan awam memiliki lebih daripada 50 peratus keseluruhan kawasan tanaman kelapa sawit di negara ini.

Secara lazimnya, syarikat-syarikat ini menyatakan bahawa mereka tiada kepakaran untuk menceburi bidang ternakan serta pulangan yang rendah.

Untuk menarik minat syarikat-syarikat tersebut, tiga pendekatan boleh disyorkan bagi mengatasi kekangan yang dihadapi mereka.

Antaranya, mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat yang berjaya untuk mengusahakan integrasi lembu dengan tanaman kelapa sawit.

Selain itu, melantik syarikat yang berjaya untuk menguruskan atau mengendalikan bisnes integrasi ternakan lembu dengan kelapa sawit. Syarikat terlibat juga boleh menyewakan kawasan kepada koperasi peternak lembu setempat.

TERNAKAN lembu di negara ini tidak dapat menampung permintaan daging semasa.

Di samping itu, kerajaan boleh membantu menyediakan insentif percukaian tambahan kepada syarikat yang terlibat di dalam pelaburan ini.

Paling penting adalah sebuah polisi diwujudkan untuk setiap syarikat perladangan kelapa sawit mengenal pasti dan menyediakan 20-25 peratus daripada kawasan tanaman kelapa sawit untuk peternakan lembu.

Integrasi ternakan dengan tanaman kelapa sawit dapat juga mengurangkan penggunaan racun (15 hingga 40 peratus) untuk meracuni rumpai kerana ternakan lembu dapat meragut sebahagian daripada rumpai tersebut.

Bukan itu saja, pengurangan penggunaan racun dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Selain itu, usaha perlu diambil untuk mengatasi penyembelihan lembu betina yang produktif. Antara sebab lembu produktif disembelih adalah untuk menambah pendapatan atau bilangan ternakan dipelihara tidak dapat ditampung oleh kawasan meragut.

Sudah ada peruntukan undang-undang di bawah Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang melarang penyembelihan untuk mengurangkan ketirisan induk ternakan.

Strategi-strategi ini boleh dijayakan jika pendekatan bersepadu dilakukan oleh kerajaan dan pihak swasta.

Dengan usaha-usaha yang berfokus ini, kita dapat mempertingkatkan kadar sara diri untuk bekalan daging lembu dan kerbau.

Penulis merupakan Profesor di Fakulti Kesihatan dan Sains Perubatan, Universiti Taylor dan pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (2017-2020) serta Presiden Persekutuan Persatuan Veterinar Asia (2020-2022).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Pinda akta kawal tangkap ikan berlebihan

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sedang dalam proses pindaan Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, antara objektif pindaan itu adalah untuk meningkatkan kadar hukuman agar lebih berat bagi vesel penangkapan ikan tempatan yang menjalankan aktiviti pencerobohan.

NG
MEN

Langkah itu katanya bagi memastikan aktiviti penangkapan ikan di perairan negara dapat dikawal supaya tidak dieksploitasi berlebihan.

“Bagi memastikan peralatan tangkapan yang digunakan tidak menjejaskan ekosistem perikanan, DOF telah menyenaraikan bubu naga sebagai peralatan larangan dalam Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980 serta Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Terancam) 1999 berkuat kuasa 1 Mei 2024.

“Selain itu, pelan transformasi pukut tunda di Zon B juga telah dilaksanakan bagi mengelak sumber perikanan daripada dieksploitasi secara berlebihan.

“Tukun tiruan dilabuhkan di kawasan yang tidak dibenarkan menunda iaitu di bawah lima batu nautika bagi menghalang pencerobohan pukut tunda,” katanya ketika menjawab soalan lisan **Datuk Seri Doris Sophia Brodi (GPS-Sri Aman)** tentang langkah kementerian dalam memastikan penangkapan ikan air laut di perairan negara secara berlebihan dapat dikawal.

Tambah Mohamad, KPKM melalui DOF dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) juga sentiasa melaksanakan pemantauan, pengawalan dan pengawasan.

Bagi mengekang aktiviti-aktiviti penangkapan ikan yang berlebihan katanya, DOF giat mengambil tindakan penguatkuasaan di perairan negara bersama-sama agensi penguatkuasaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Akta Perikanan dipinda jamin bekalan ikan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Jabatan Perikanan (DOF) sedang berusaha untuk meminda Akta Perikanan 1985 (Akta 317) bagi mengawal penangkapan ikan air laut di perairan negara secara berlebihan (overfishing).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pindaan itu dibuat untuk meningkatkan kadar hukuman agar lebih bersifat mencegah bagi vesel penangkapan ikan tempatan yang menjalankan aktiviti penceroobohan.

Jelasnya, KPKM melalui DOF dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) sentiasa melaksanakan pemantauan, pengawasan dan pengawasan bagi memastikan aktiviti penangkapan ikan di perairan negara dapat dikawal supaya tidak dieksploitasi.

“Selain itu, bagi memastikan peralatan tangkapan yang digunakan tidak menjejaskan

Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Terancam) 1999 berkuat kuasa 1 Mei tahun lalu.”

“Seterusnya, pelan transformasi pukat tunda di Zon B juga telah dilaksanakan bagi mengelak sumber perikanan daripada dieksploitasi secara berlebihan yang mana tunkun tiruan dilabuhkan di kawasan yang tidak dibenarkan menunda iaitu di bawah lima batu nautika bagi menghalang penceroobohan pukat tunda,” katanya pada sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Tambah Sabu, DOF turut menawarkan pinjaman mudah di bawah Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan bagi membolehkan vesel diubah suai atau dinaik taraf supaya dapat beroperasi di Zon C.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan penceroobohan nelayan asing mengakibatkan Malaysia menanggung kerugian sehingga

RM823.88 juta selepas hasil laut negara dicuri oleh golongan terabit sepanjang tahun 2020 hingga 2023.

Lebih malang, berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Perikanan Kampung Acheh dan Laporan Sea Around Us, hanya 50 peratus hasil laut negara mendarat di Malaysia manakala selebihnya dicuri oleh nelayan asing ke negara masing-masing.

Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Marin, sebanyak RM225.22 juta kerugian dicatatkan berlaku pada tahun 2020, RM238.69 juta (2021), RM200.19 juta (2022) dan RM159.77 juta (2023).

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, jumlah itu merangkumi 428 kes penceroobohan kapal nelayan asing yang dikesan menjarah hasil laut di perairan negara sepanjang 2020 sehingga 2023.



MOHAMAD SABU

ekosistem perikanan, DOF telah menyenaraikan bubu naga sebagai peralatan larangan dalam Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980 serta Peraturan-Peraturan

16/10/2024

KOSMO

NEGARA

13



DOF melarang sebarang pelepasan ikan 'alien' ke dalam perairan umum kerana dibimbangi menjejaskan habitat populasi tempatan terjejas. — GAMBAR HIASAN

Boleh jejas alam sekitar jika lepas perairan umum

Patin Siam sah spesies alien – DOF

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA – Jabatan Perikanan (DOF) Malaysia mengesahkan bahawa patin Siam yang dilepas di Taman Tasik Shah Alam, Selangor baru-baru ini merupakan spesies asing.

Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, ikan tersebut dengan nama saintifik *Pangasodon hypophthalmus* malah boleh mengancam ekosistem biodiversiti tempatan.

"Spesies ini juga sebenarnya bersifat invasif mampu jejas alam sekitar bahkan langsung tidak boleh dibuat pelepasan di perairan umum," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Beliau merujuk penafian Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kelmarin yang enggan mengaku melepaskan spesies ikan di-

larang dilepaskan ke perairan umum atau 'ikan alien'.

Pengarah DOF Selangor, Noraisyah Abu Bakar semalam yang kesal dengan tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu melepaskan spesies tersebut.

Adnan berkata, bahawa semakan DOF menunjukkan ikan patin Siam diperolehi PBT itu daripada sumber penternak yang berdaftar dengan agensi berkenaan.

"Namun, spesies itu hanya untuk program akuakultur lalu ternakan dalam persekitaran terkawal tetapi tidak boleh dilepaskan ke tempat awam."

"Kelazimannya, patin Siam dibiak dalam kolam atau sangkar dengan paung mampu mencecah satu meter, manakala bert dewasa menjangkau hampir 20

kilogram," katanya.

Ujarnya, spesies invasif boleh meluputi aneka tumbuhan, haiwan, patogen atau organisma asing kepada ekosistem yang turut mengancam keseimbangan biologi.

Katanya, pelepasan ikan asing tanpa kawalan juga dibimbangi berisiko mengakibatkan sumbu ber makanan dan habitat populasi tempatan terjejas selain isu bawaan penyakit.

Kosmo semalam melaporkan, DOF Selangor mendedahkan terdapat pihak tertentu yang melepaskan ikan 'alien' itu di tasik tersebut baru-baru ini.

Pengarah Korporat MBSA, Mohd. Azhar Mohd. Sharif dipek berkata, acara pelepasan ini diadakan bagi tujuan kawalan keseimbangan spesies dan populasi ikan di Tasik Shah Alam.

Pengurus syarikat lesap RM2.6j bahana AP musang king

JOHOR BAHRU – Seorang pengurus sebuah syarikat luar negara mengalami kerugian RM2.6 juta setelah terpedaya dalam urus niaga melibatkan permit import eksport durian musang king.

Ketua Polis Johor, Datuk M. Kumar berkata, pengadu yang merupakan lelaki warga China itu memberitahu, suspek yang orang lelaki negara terbabit menipu juga merupakan se-

Menurut beliau, bagaimana pun akaun bank yang digunakan juga merupakan terbitan adalah berdaftar di Malaysia.

"Pengadu memberitahu suspek telah meyakinkannya bahawa dia boleh mendapatkan permit import (AP) sebuah syarikat buah-buahan di Malaysia untuk mengeksport durian musang king ke China."

"Setelah pengadu bertemu dengan suspek di China, mereka berautnya membeli 3240

karton Musang King sejuk beku bernilai RM2.6 juta dengan transaksi dibuat pada 5 Julai lalu," katanya dalam kenyataan semalam.

Kumar memberitahu, pengadu mula berasa ditipu apabila barangan yang diisikan dalam tempoh sembilan masih tidak tiba sehingga kini, manakala suspek 'gagal' dihubungi.

"Pengadu kemudian telah meminta rakannya di Malaysia untuk mencari syarikat tempatan yang didakwa boleh memberikan AP bagi mengeksport buah tersebut, namun syarikat tersebut menafikan pernah berurusan dengan suspek."

"Pengadu kemudian datang ke Malaysia untuk membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut," ujarinya.

Tambahnya, kes tersebut diasing mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian.



DURIAN musang king dijual dengan harga tinggi dan mendapat permintaan tinggi di China. — GAMBAR HIASAN

Cadangan bagi membantu petani menampung kenaikan kos modal penanaman

Pesawah mahu harga lantai belian padi dinaikkan

Oleh ADILA SHARINNI
WAHID
BACHOK

Persatuan Pesawah Kelantan (Pesak) men-cadangkan kerajaan menaikkan harga lantai belian padi kepada RM1,600 satu tan bagi membantu petani menampung kenaikan kos modal tanaman komoditi itu.

Pengerusi Pesak, Zuha Ismail berkata, harga lantai RM1,300 setiap tan yang ditetapkan kerajaan sejak tahun lalu, bagaimanapun sudah tidak relevan kerana kos-kos yang semakin meningkat termasuk harga benih, baja, belanja membajak, tenaga kerja dan sewa tanah.

"Kos modal penanaman dan penghasilan padi ditanggung petani dianggarkan berjumlah RM5,580 sehektar dan dengan harga belian RM1,300, petani hanya dapat sekadar lepas modal sahaja.



Pesawah memegang sepaduk menyatakan hasrat mereka di Kampung Kubang Telaga, Bachok.

"Itu belum lagi dikira benih padi yang meningkat daripada RM30 kepada RM58 bagi 20 kilogram termasuk subsidi, juga ditanggung pesawah," katanya ditemui pemberita ketika perhimpunan aman bersama kira-kira 30 pesawah di Kampung Kubang Telaga di sini pada Selasa.

Zuha berkata, pesawah hanya bergantung dan menikmati subsidi harga jualan padi RM1,250 sehektar yang diberikan kerajaan.

"Itulah sahaja pendapatan yang digunakan untuk perbelanjaan kehidupan pesawah," katanya.

Seorang pesawah, Siti Rogayah Awang Man, 51, berkata, kesukaran dialami pesawah itu adalah paling buruk dalam tempoh 10 tahun menanam padi.

Katanya, dia mengusahakan 1.2 hektar tanaman padi di Kampung Kubang Telaga dan terpaksa membuat pinjaman dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebanyak RM10,000 bagi

penanaman musim satu pada Mei lalu.

"Sebelum ini, hasil tanam padi boleh simpan RM4,000 hingga RM5,000 semusim tetapi selepas 2020, hanya menambak hutang sahaja.

"Bagi menampung belanja harian, saya terpaksa mengambil upah menoreh getah, buat ketupat dan membantu memasak di kenduri," katanya yang juga ibu kepada enam cahaya mata. Sementara itu, seorang lagi pesawah, Noor Azmi Che Ya, 48,

berkata, dia berharap pihak kerajaan mengambil perhatian isu berkenaan bagi mengelak lebih ramai pesawah bertukar tanaman.

"Sekarang sudah ramai menggali batas untuk menanam kelapa sawit.

"Tidak mustahil jika masalah ini berterusan akan menyebabkan bekalan padi negara berkurangan apabila semakin lama semakin ramai enggan menanam padi," katanya.

Gagal seludup anjing baka Rottweiler dari Belanda

SEPANG - Tindakan peng-import membawa masuk dua anjing baka Rottweiler dari Belanda, tidak berhasil apabila perbuatannya berjaya dihidu pihak berkuasa.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, kejayaan itu hasil pemeriksaan rutin di tapak pemeriksaan Maqis FCZ Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Kargo.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, pemeriksaan kira-kira jam 5 petang pada Sabtu lalu mendapati, permit import Maqis digunakan adalah meragukan.

"Semakan lanjut berdasarkan nombor rujukan permit dalam sistem iMA-QIS mendapati permit dikemukakan adalah palsu dan disunting menggunakan permit import yang sudah digunakan.



Dua anjing baka Rottweiler didapati menggunakan permit import palsu dirampas Maqis Selangor.

"Kes diasias mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 kerana mengisytiharkan dokumen palsu," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mohd Sobri berkata, mana-mana pengimport yang mahu membawa masuk anjing kategori baka terhad ke dalam negara perlu mendapatkan surat kelulusan khas daripada Ketua Pengarah Maqis.

Jelasnya, pihak jabatan perlu membuat penilaian

berdasarkan justifikasi membawa masuk anjing yang dikemukakan permohonan sebelum memberikan kelulusan.

"Selain itu, pengimport juga perlu memohon Permit Import dan mematuhi semua syarat yang ditetapkan pihak jabatan.

"Hal ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar," katanya.

Patah cubaan seludup 41,000kg kelapa


Tumpat: Pasukan Gerakan Am (PGA) berjaya mengagalkan cubaan menyeludup kelapa ke Thailand seludup merampas 41,000 kilogram (kg) kelapa di Kampung Bunohan di sini, pagi kelmarin.

Rampasan itu membatinkan nilai RM205,000 itu dilakukan sepasukan anggota Batalion 9 PGA pada jam 9.50 pagi menerusi Ops Taring Wawasan.

Komander Briged Tenggara Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, rampasan dilakukan selepas pihaknya menahan sebuah treler yang dipandu seorang lelaki selepas dikeasan berada dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, pemeriksaan ke atas sebuah treler terbabit mendapati lebih 41,000 kg kelapa ditemui di belakang kenderaan terbabit tanpa sebarang dokumen yang sah.

"Pemandunya adalah seorang lelaki tempatan berusia 37 tahun dan dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup ke-



SEBANYAK 41,000kg kelapa bernilai RM205,000 yang cuba diseludup ke Thailand dirampas oleh PGA di Kampung Bunohan, Tumpat.

lapa terbabit ke negara jiran dan ditahan untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Peraturan 4(2)(b) Akta Pema- ma 141 Rancangan Pemasaran Kelapa 1973.

"Suspek dan barang rampasan diserahkan ke Kom- tak Pengkalan Kubor untuk tindakan selanjutnya," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Nik Ros Azhan berkata, pihaknya turut menahan tujuh individu termasuk empat penyeludup, dua pendatang asing tanpa izin (Pati) warga Myanmar dan seorang tekong warga tempatan.

Menurutnya, kesemua mereka yang berusia antara 25 hingga 49 tahun itu ditahan di tiga lokasi berasingan iaitu Tanah Merah, Tumpat dan Pasir Mas pada kelmarin.

"Menerusi tangkapan itu, pihaknya merampas barangan seludup iaitu 86 unit beg tangan dan 500 kg beras yang diseludup dari Thailand," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	20

Bekalan ikan musim tengkujuh cukup

Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan bekalan ikan di seluruh negara mencukupi sepanjang tempoh Monsoon Timur Laut (MTL).

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil turut mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan sepanjang MTL dengan menaikkan harga ikan.

Menurutnya, situasi semasa bekalan ikan mencukupi dan tidak sepatutnya berlaku kenaikan harga memandangkan peniaga dapat mengimport bekalan ikan tertentu dari Thailand dan India.

“Apa yang saya nak tekankan adalah bekalan ikan mencukupi dan yang menjual ikan peniaga bukannya nelayan.

“Mereka (peniaga) boleh import bekalan ikan dari negara luar termasuk Thailand dan India kerana kita sendiri yang memberi lesen import berkenaan.

“Sehingga kini, 2,664 lesen import aktif dikeluarkan LKIM kepada peniaga dan melalui import berkenaan menjadikan bekalan ikan mencukupi termasuk musim MTL ketika nelayan tidak dapat turun ke laut.

“Justeru, orang ramai tidak perlu gusar kerana bekalan ikan mencukupi. Namun kita akui bekalan ikan segar di negeri tertentu berkurangan memandangkan nelayan tidak dapat turun ke laut, namun negeri tidak terjejas dengan MTL, bekalan mereka tiada masalah,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2024	THE STAR	NATION	4

Collaboration to improve rice quality

KUALA LUMPUR: *Padiberas Nasional Berhad* has signed a cooperation note with the Chemistry Department to conduct interlaboratory comparisons and proficiency testing for rice grading activities.

According to a joint statement by both parties, the cooperation note was signed by company CEO Zulkiflee Abdul Rahman and department director-general Marhayani Md Saad on Monday.

Witnessing the signing were Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general Datuk Aminuddin Hassim and company chairman Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

The company will support the department in developing methods, providing training for rice sample analysis and discussing issues related to rice analysis. The initiative also aims to enhance proficiency testing in rice analysis.

The company laboratory is the first in Southeast Asia to be accredited under ISO 17025, strengthening efforts to improve rice quality while ensuring reliability and compliance with established specifications and standards.

"This is the first initiative of its kind in the country," the statement said. – Bernama

REPORT LODGED IN JOHOR

CHINA COMPANY VICTIM OF DURIAN SCAM

Firm's manager paid RM2.6m to Malaysian account in frozen Musang King 'deal'

JASSMINE SHADIQE
JOHOR BARU
news@nst.com.my

The company's manager, a Chinese national, lodged a police report in Johor.

The victim was made to believe that the scammer, who claimed to be a Chinese national, had an Approved Permit (AP) from a Malaysian fruit import-export company to facilitate the transaction.

A COMPANY based in China was cheated of RM2.6 million in an elaborate scam involving the purchase of frozen Musang King durian.

The deal involved the purchase of 3,840 cartons of frozen Musang King durian valued at ¥4.3 million (RM2.6 million).

Johor police chief Datuk M. Kumar said the China-based company transferred the full payment into a Malaysian-registered company's account, as instructed by the suspect.

The China-based company was told that the frozen durian would be delivered within one month after the July 5 payment.

After several weeks, the victim

grew suspicious as the shipment did not arrive in China and attempts to contact the suspect failed.

Checks into the company linked to the AP permit revealed that it had no dealings with Chinese companies.

The victim then travelled to Malaysia to lodge a police report.

Police are investigating the case under Section 420 for cheating and Section 411 of the Penal Code for handling stolen property. The offence carries up to 10 years' jail,

caning and a fine, if convicted.

Kumar urged the public to be cautious when dealing with unfamiliar individuals or firms.

"Verify the company's credentials and background through authorities like the Agriculture and Food Security Ministry before making payments to avoid falling prey to fraud."

He advised scam victims to contact the National Scam Response Centre at 997 immediately to block the flow of transferred funds.

*Pengurus warga China
diperdaya rakan senegara
tawar urus niaga import
3,840 kerton durian sejuk beku*

Musang King RM2.6 juta tak kunjung tiba

Oleh Mohamed
Farid Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang pengurus warga China kerugian RM2.6 juta selepas diperdaya individu, juga warga China, membabitkan urus niaga import durian Musang King sejuk beku.

Ketua Polis Johor Datuk M Kumar berkata, terdahulu, mangsa membuat laporan suspek memperdayakan syarikat mangsa dengan meyakinkan dia boleh menggunakan permit import (AP) milik syarikat eksport buah-buahan beralamat di Malaysia.

Katanya, AP syarikat terbabit perlu digunakan bagi mengimport Musang King sejuk beku dari Malaysia untuk memasuki China.

"Wakil syarikat mangsa berjumpa suspek di China dan setuju membeli 3,840 kerton Musang King sejuk beku bernilai RM2.6 juta.

"Pada 5 Julai lalu, transaksi pemindahan wang dilakukan ke akaun bank milik syarikat berdaftar di Malaysia seperti diarahkan suspek," katanya pada ke-

nyataan, semalam.

Kumar berkata, mangsa dijanjikan menerima Musang King itu dalam tempoh sebulan selepas pembayaran, namun sehingga kini, ia belum diterima.

"Mangsa menghubungi suspek, tetapi gagal, malah meminta rakannya di Malaysia mengesan syarikat pemilik AP terbabit.

"Bagaimanapun, syarikat pemilik AP berkenaan disahkan tidak pernah berurusan niaga dengan syarikat suspek.

"Mangsa datang ke Malaysia untuk membuat laporan polis memandangkan akaun bank digunakan suspek milik syarikat berdaftar di negara ini," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420/411 Kanun.



"Mangsa hubungi suspek, tetapi gagal malah meminta rakannya di Malaysia mengesan syarikat pemilik AP terbabit"
Kumar